

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG (TANJONG MALIM)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan senarai model pesawat tempur ringan dan UAV yang ingin diperoleh serta nama-nama syarikat yang menerima permohonan mendapatkan maklumat (RFI). Nyatakan peruntukan untuk perolehan tersebut.

JAWAPAN

TUDM telah memajukan secara rasmi permohonan mendapatkan maklumat (RFI) kepada syarikat-syarikat pengeluar pesawat tempur ringan dan UAV mulai bulan Disember 2018. Tujuan RFI ini adalah bagi mendapatkan maklumat asas, pakej tawaran dan *Rough Order of Magnitude* bagi persediaan pelaksanaan Makmal Pengurusan Nilai. Tiada penetapan senarai model pesawat tempur ringan dan UAV yang ingin diperolehi TUDM pada masa ini.

Untuk pesawat tempur ringan, RFI telah dikeluarkan kepada pengeluar pesawat melalui wakil eksklusif tempatan yang dilantik pihak pengeluar seperti berikut:

1. Pesawat FA-50 keluaran Korea Aerospace Industries Ltd. melalui syarikat Kemalak Systems Sdn Bhd;
2. Pesawat TEJAS keluaran Hindustan Aeronautic Limited melalui syarikat Forte Drus Sdn Bhd;
3. Pesawat JF-17 keluaran Pakistan Aeronautical Complex melalui syarikat Kharisma Wira Sdn Bhd;
4. Pesawat YAK-130 keluaran Rosoboronexport/Irkut Corporation, Rusia melalui syarikat Sovereign Strategic (Sarawak) Sdn Bhd;
5. Pesawat M-346 keluaran Leonardo/Alenia Aermacchi, Itali melalui Leonardo (Malaysia Office);

6. Pesawat L-15B keluaran China National Aero-Technology Import & Export Corporation (CATIC), China melalui syarikat Takamaya Sdn Bhd;
7. Pesawat L-15B keluaran China National Aero-Technology Import & Export Corporation (CATIC), China melalui syarikat Paragon Avtech Sdn Bhd;
8. Pesawat L-39NG keluaran Aero Vodochody Aerospace, Republik Czech melalui syarikat VisionGen Group; dan
9. Pesawat Boeing T-X keluaran Boeing Defense, Space & Security, Amerika Syarikat melalui syarikat Quantum Virtuality.

Untuk UAV, RFI telah dikeluarkan kepada pengeluar UAV kategori *Medium Altitude Long Endurance* (MALE) melalui wakil eksklusif tempatan yang dilantik pihak pengeluar seperti berikut:

1. UAV ANKA keluaran Turkish Aerospace Industries, Turki melalui syarikat Unmanned System Technology Sdn Bhd;
2. UAV ANKA keluaran Turkish Aerospace Industries, Turki melalui syarikat Quantum Virtuality;
3. UAV Predator-B keluaran General Atomics Aeronautical, Amerika Syarikat melalui syarikat Insansiz Aircraft System Sdn Bhd;
4. UAV Wing Loong 2 keluaran China National Aero-Technology Import & Export Corporation (CATIC), China melalui syarikat Paragon Avtech Sdn Bhd;
5. UAV Patroller keluaran Safran Electronic & Defense, Perancis melalui Safran Aerospace Defense Security Malaysia Sdn Bhd;
6. UAV CH-4 keluaran China Aerospace Science and Technology Corporation (CASTC), China melalui syarikat Mount Matrik Sdn Bhd;
7. UAV Watchkeeper keluaran Thales, United Kingdom melalui Thales Malaysia Sdn Bhd;
8. UAV Orion-E keluaran Kronstadt Technologies, Rusia melalui syarikat Alaf Research & Technology;
9. UAV Falco Evo keluaran Leonardo, Itali melalui Leonardo (Malaysia Office); dan
10. UAV Aurora keluaran Amerika Syarikat melalui syarikat VisionGen Group.